

Kah Kiat anggap isu pengganti

KM selesai
UM 13 FEB 2003

KOTA KINABALU 12 Feb. —

Ketua Menteri Sabah, Datuk Chong Kah Kiat berharap pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai UMNO bakal mengambil-alih jawatan Ketua Menteri akan menamatkan desas-desus mengenai parti mana yang akan menggantikan beliau selepas 27 Mac ini.

“Perdana Menteri sudah menerangkan dan saya rasa tak payah panjangkan lagi isu ini kerana bagi saya ia adalah cukup mudah dan isu biasa.

“Cuma ada sebahagian kecil orang suka mempermain-mainkannya,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka Yang Dipertua Negeri sempena Hari Raya Aidiladha di Istana Negeri di sini hari ini.

Semalam Dr. Mahathir mengesahkan jawatan Ketua Menteri Sabah itu akan diisi oleh UMNO sebaik sahaja perkhidmatan Kah Kiat tamat pada 27 Mac ini.

Katanya, Kah Kiat juga menyatakan hasrat untuk bercuti sebulan bagi membolehkan penggantinya mendapat pengalaman sebelum mengambil alih jawatan Ketua Menteri.

Ditanya tarikh percutiannya, katanya, beliau memohon cuti mulai bulan depan selama sebulan.